

## DN 1.3: Memperluaskan Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Kepada Pelbagai Lapisan Masyarakat

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Program PDK ini dilihat mempunyai potensi untuk dikembangkan kepada pelbagai lapisan masyarakat.
- Penglibatan golongan warga emas, ibu tunggal dan pesalah juvenil amat penting bagi membentuk kemahiran mereka supaya mampu berdikari.

#### Komponen Cadangan:

- Mempertingkatkan tenaga kemahiran, pendidik dan pengurusan untuk menampung lebih ramai penghuni dalam program PDK.
- Penyediaan kursus atau latihan kemahiran kepada golongan warga emas, ibu tunggal dan pesalah juvenil untuk kelangsungan hidup yang lebih baik.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta dan masyarakat desa.

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan pengukuhan terhadap pusat PDK sedia ada di setiap daerah iaitu:

Daerah	Pusat PDK
Muar	<ul style="list-style-type: none"> <li>PDK Amal</li> <li>PDK Felda Maokil</li> <li>PDK Lenga</li> <li>PDK Maharani</li> <li>PDK Nur Zaharah</li> <li>PDK Pagoh</li> <li>PDK Parit Keroma</li> <li>PDK Permata Kasturi</li> <li>PDK Sungai Abong</li> </ul>
Segamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>PDK Seri Impian Labis</li> <li>PDK Sayangku Palong Timur</li> <li>PDK Sayangku Segamat</li> <li>PDK Seri Permatang Jementah</li> <li>PDK Sinar Cahaya Redong</li> <li>PDK Sinar Munawarrah Bukit Siput</li> <li>PDK Sinar Mutiara Kemelah</li> <li>PDK Teratak Sayangku Chaah</li> </ul>
Tangkak	<ul style="list-style-type: none"> <li>PDK Bukit Gambir</li> <li>PDK Jauhar</li> <li>PDK Serom</li> <li>PDK Tangkak</li> </ul>
Jumlah	21

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021


### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>KPWKM</li> <li>JKKK</li> <li>Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>KPWKM</li> <li>JKKK</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- Kursus Latihan = RM 20,000 x 21 = RM 420,000.**

### FASA PELAKSANAAN



## Justifikasi Cadangan

Cadangan ini adalah bertujuan untuk mempelbagaikan fungsi kepada program PDK sedia ada di kawasan Johor Utara. Program seperti PDK ini perlu dikembangkan kepada semua lapisan masyarakat meliputi golongan warga emas, ibu tunggal dan pesalah juvenil.

Input daripada maklumat profil kampung berdasarkan laporan penemuan kajian ini menunjukkan 2.04% merupakan ibu/bapa tunggal, diikuti oleh anak yatim piatu berumur bawah 21 tahun (0.74%) dan golongan OKU sejumlah 0.45%. Daerah Muar mencatatkan jumlah golongan khas yang tertinggi untuk kawasan Johor Utara dengan angka 11,341 orang golongan ibu/bapa tunggal menjadi penyumbang utama terhadap angka tersebut.

Bagi kategori ibu tunggal sahaja, Daerah Muar menjadi majoriti sebanyak 4,790 daripada 9,693 orang di Johor Utara. Daripada jumlah keseluruhan ibu tunggal ini, sejumlah 4,507 orang bersamaan 46.50% ibu tunggal berada dalam status pekerjaan. Peratusan tertinggi bagi ibu tunggal yang bekerja adalah Daerah Tangkak iaitu sebanyak 53.73%.

Dengan angka daripada maklumat yang diperolehi daripada laporan penemuan ini, usaha bagi memperkuatkan program PDK di dalam Johor Utara adalah wajar untuk diberi penekanan oleh pihak kerajaan.

**IBU / BAPA TUNGGAL  
2.04%**

<b>6,740</b> <b>Orang</b>	<b>4,075</b> <b>Orang</b>	<b>2,157</b> <b>Orang</b>
<b>MUAR</b>	<b>SEGAMAT</b>	<b>TANGKAK</b>

**IBU TUNGGAL JOHOR UTARA: 9,693 ORANG**

**BEKERJA  
4,507 (46.50%)**

<b>MUAR</b> <b>2,478</b>	<b>SEGAMAT</b> <b>1,057</b>	<b>TANGKAK</b> <b>972</b>
-----------------------------	--------------------------------	------------------------------



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Aktiviti Kemahiran Bagi Golongan OKU dan Ibu Tunggal

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018



Foto: Aktiviti Sosial Bagi Tujuan Pemulihan dan Rawatan

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018